

TEKS UCAPAN  
BRIG JEN DATO PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS  
SEMPENA  
PELANCARAN IHYA' RAMADHAN PERINGKAT UniMAP  
DI DEWAN KAPITOL  
PADA 20 OGOS 2009

Bismillahirrahmanirrahim

Yg. Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaakob, Timbalan Naib  
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP,

Yg Berbahagia Prof Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib  
Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Yang Berusaha Dr. Ahmad Bashir bin Awang, Penceramah  
bebas yang juga Pensyarah Kolej Perniagaan Universiti Utara  
Malaysia, Sintok Kedah.

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP,

Staf UniMAP, Pelajar-pelajar Antarabangsa dan Tempatan, wakil-wakil media, seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

Alhamdulillah, Pada malam Jumaat yang penuh berkat dan mulia ini, marilah kita memanjatkan rasa syukur kepada Nya kerana diberi peluang untuk berhimpun dalam satu majlis agama sempena kedatangan Ramadhan Al-Mubarak.

Di kesempatan ini, marilah kita bersama-sama membina dan meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala tegahan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan soleh dan mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat.

Sekalung tahniah dan penghargaan buat Unit Agama Islam atas cetus pelbagai program yang telah disusun untuk mengimarahkan lagi Ramadhan @ UniMAP pada tahun ini.

Semoga penganjuran aktiviti seumpama ini akan memberikan kita lebih keberkatan sekali gus memperoleh rahmat dan ganjaran yang dijanjikan oleh Allah.

Ladies and Gentlemen,

Alhamdulillah... We are all given the opportunity to see the light of another month of Ramadhan... to all Muslims, especially the International Students from Yemen, China, Indonesia, Sudan and Mauritius, I would like to wish all of you A Happy Eid Mubarak and please enjoy the celebration of Ramadhan here in Perlis.

May this Ramadhan be better than last year. May ALLAH The AlMighty pour his blessings upon us and may Allah give us the patience to perform the fast as stipulated in the Qur'an and the Sunnah.

And tonight's function is the best time to analyze what is rukun, wajib, haram, sunat and makruh in performing this special ibadah so that we can reap the full benefits of Ramadhan.

The main objective of Ramadhan is to achieve taqwa. This objective can only be achieved through certain activities-both inactive and active activities. Many a time, our physical self is fasting but not our thoughts and actions. One way is to remember Allah through zikir and be conscious at all time that

we are fasting and this month is the Holy month of Ramadhan.

May I propose that we take this Ramadhan as a personal project. It is a project to achieve taqwa. To succeed, we have to plan, execute, monitor and control our activities.

InsyAllah, if we work hard enough and seek Allah's assistance, we may achieve our project objective on the 1st Shawal, and then only, we deserve to celebrate Eidul Fitri.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Ramadhan merupakan bulan teragung bagi umat islam. Bulan yang penuh dengan keberkatan bagi umah Muhammad SAW. Sebagaimana yang telah di perintahkan Allah SWT di dalam al Quran :

**“(Beberapa hari yang ditentukan itu ialah) bulan Ramadhan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) Al Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (antara yang hak dan yang bathil). Karena itu, barangsiapa di antara kamu hadir (di negeri tempat tinggalnya) di bulan itu, maka hendaklah ia berpuasa pada bulan itu, dan barangsiapa sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa), sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari-hari yang lain.**

**Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu, supaya kamu bersyukur.”**

Pentafsiran ayat ini perlu digarapkan sepenuhnya bagi menguji keimanan seseorang dalam menghayati ubudiyah terhadap Yang Maha Agung.

Ayat ini juga membuktikan bulan Ramadhan adalah bulan yang amat istimewa kepada umat Islam kerana waktu malam dan siang ia menyajikan pelbagai keberkatan. Oleh itu, Ramadhan merupakan satu bulan mulia yang sentiasa ditunggu dengan penuh kegembiraan.

Saya amat berharap, semua warga UniMAP akan menghayati sepenuhnya bulan Ramadhan ini dan menjalankan ibadah dengan seikhlas mungkin. Janganlah kita berpuasa kerana terpaksa, melakukan ibadat kerana terpaksa kelak pengakhirannya sia-sia. Tiada pahala yang dapat kita perolehi.

Hadirin sekalian,

Penganjuran aktiviti sepanjang Ramadhan ini oleh Unit Agama Islam adalah bertujuan untuk membolehkan warga UniMAP menambah keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT.

Pada masa sama, ia juga bertujuan untuk membolehkan kita semua menghayati prinsip ibadah puasa dalam Islam dari sudut memperbanyakkan amalan serta membasmi keburukan selain turut membina pengukuhan hubungan silaturrahim sesama warga UniMAP

Penganjuran aktiviti seumpama ini juga dilihat merupakan medium terbaik untuk melahirkan warga UniMAP yang bersatu padu dalam memikul tanggungjawab serta tugas yang di amanahkan.

Dan saya percaya, ia juga merupakan medan untuk mencungkil kebolehan / bakat staf dan pelajar UniMAP dalam pertandingan yang di anjurkan. Justeru, saya amat berharap, semua aktiviti yang direncanakan ini bakal mendapat penyertaan dan sokongan dari semua warga Universiti Malaysia Perlis yang saya sayangi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Ramadhan tahun ini turut menjanjikan cabaran yang bukan sedikit. Di saat ini, negara masih berperang dengan satu

wabak yang belum menunjukkan tanda mahu menyerah kalah yakni wabak Influenza A H1N1.

Pada 29 April 2009, Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah meletakkan wabak ini kepada kedudukan tahap kelima (5). Kemudian pada 11 Jun 2009 Pertubuhan Kesihatan Dunia telah mengisytiharkan peningkatan amaran dari tahap 5 ke tahap 6 iaitu tahap di mana virus telah merebak secara berleluasa di beberapa negara, sukar untuk dikenalpasti rangkaian pemindahan wabak dari manusia ke manusia dan menandakan penularan berterusan tidak dapat dielakkan lagi.

Dan yang terbaru, minggu ini, kecoh di media massa membicarakan mengenai gelombang kedua wabak ini yang lebih dahsyat serta bakal memberi ancaman besar kepada masyarakat yang dijangka berlaku Oktober ini.

Bagaimanakah agaknya persediaan kita menghadapi Ramadhan dengan keadaan wabak ini yang semakin serius. Semakin banyak nyawa diragut dan dari sehari ke sehari bilangan kes semakin meningkat.

Namun sebagai umat Islam, saya amat berharap agar warga UniMAP tidak cepat melatah, sebaliknya patuhi langkah-langkah pencegahan dan keselamatan yang banyak diwar-warkan di seluruh negara.

Kurangkanlah sebarang kunjungan ke tempat-tempat awam kerana cara ini akan mengundang risiko jangkitan yang lebih tinggi. Penuhi masa siang dan malam dengan aktiviti mendekatkan diri dengan Allah SWT dan pada masa sama, pantaulah tahap kesihatan anda dan keluarga.

Marilah kita sama-sama berdoa agar, Nur Ramadhan akan membawa cahaya dan menghapuskan terus wabak ini di seluruh dunia.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya tidak ingin mengambil masa yang lama untuk berucap di sini. Ingin saya nyatakan sekali lagi, bahawa sesungguhnya kewajipan berpuasa adalah merupakan latihan secara praktikal kepada setiap muslim agar memiliki hati dan perasaan yang penuh insaf dan simpati akan nasib golongan-golongan fakir dan miskin yang berada dalam masyarakat.

Perasaan teramat lapar dan dahaga oleh setiap orang yang berpuasa diharapkan agar timbulnya perasaan simpati dan belas kasihan kepada golongan susah yang ketiadaan makanan, pakaian dan tempat tinggal.

Sesungguhnya semua umat Islam bertanggungjawab membela dan menyelamatkan kesempitan hidup golongan yang kurang bernasib baik ini.

Pengajaran Ramadan ini juga secara langsung mendidik agar kita perihatin dan membela golongan lemah juga seiring dengan kewajipan kita menunaikan zakat fitrah. Tanpa mengeluarkan zakat fitrah, pahala ibadah puasa Ramadan akan tergantung dan tidak dapat menjadi bekalan ke akhirat.

Kewajipan ibadah ini terletak di atas bahu setiap muslim yang mempunyai lebih makanan atau harta daripada keperluan dirinya dan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya.

Akhir kata, selamat menjalani ibadah puasa dan tunaikanlah kewajipan dengan penuh rasa keikhlasan kepada Allah.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.